

BAB SATU

PENGENALAN

A. LATAR BELAKANG KAJIAN

Kemahiran membaca Al-Quran di peringkat sekolah menengah adalah kesinambungan daripada kemahiran asas membaca Al-Quran di peringkat sekolah rendah. Penekanan kepada kemahiran tersebut juga merupakan satu usaha ke arah pembentukan insan kamil, dan untuk membimbing umat Islam ke arah petunjuk Allah. Segala usaha sama ada terhadap kurikulum, pengajaran dan pembelajaran serta guru hendaklah berlandaskan kepada asas falsafah dan matlamat pendidikan Islam yang berpaksikan Al-Quran. Menyedari hakikat di atas, perancangan dasar dan kurikulum pendidikan Islam melalui Dasar Pendidikan Negara sepanjang 34 tahun (1960 hingga 1994) telah meletakkan asas pendidikan Islam ke arah melahirkan generasi Islam yang faham terhadap ajaran-ajaran Islam, tahu tuntutan Islam dan terdidik dengan didikan Al-Quran. Asas-asas tersebut telah diterjemahkan secara jelas di dalam falsafah, dan matlamat Kurikulum Pendidikan Islam di peringkat sekolah rendah dan seterusnya ke peringkat sekolah menengah (Wan Bakar Dagang, 1991).

Agama Islam menuntut umatnya membaca Al-Quran dan mempelajari kandungannya (Al-Nahl: ayat 98, Al-Isrā': ayat 45, 71, 93 dan 106, Al-Qiāmah: ayat 17, Al-Muzzammil: ayat 20, dan Al-Syūrā': ayat 199). Membaca Al-Quran

dituntut kerana di antara hikmah Al-Quran diturunkan adalah untuk dibaca. Al-Quran adalah setinggi-tinggi anugerah yang Allah kurniakan kepada hambaNya (manusia dan Jin). Al-Quran adalah suatu mukjizat abadi yang membuktikan kebenaran dan kekuatan pengaruhnya. Ia tetap menjadi perlombagaan abadi di sepanjang zaman, sesuai untuk mengatur hal-hal kehidupan manusia di semua masa dan tempat (Abdul Raof,1989:114). Isi kandungannya yang mencakupi semua aspek kehidupan manusia adalah panduan dan pegangan insan dalam menjalani kehidupan dunia yang menjadi jambatan ke akhirat (Mohd. Kamal Hassan,1988). Keajaiban dan kehalusan bahasanya tidak luput dan iaanya tidak jemu untuk di baca walaupun diulang-ulang. Allah telah menyuruh umat Islam membaca dan memikirkan tentang kandungan Al-Quran.

Di antaranya firman Allah:

أَوْزِدْ عَلَيْهِ وَرَتِيلَ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا

(Al-Quran, Al-Muzzammil : ayat 4)

Maksudnya:

Atau tambah daripadanya, dan bacalah Al-Quran dengan tartil (laitu dengan bacaan yang terang, jelas dan betul menurut tajwid)

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1983:1308)

dan firman Allah dalam ayat 20 surah Al-Muzzammil:

فَاقْرُءُ وَأَمَا يَسِّرُ مِنَ الْقُرْءَانِ

(Al-Quran, Al-Muzzammil: ayat 20)

Maksudnya:

Oleh itu bacalah mana-mana yang mudah kamu dapat membacanya dari Al-Quran (dalam sembahyang)

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1983:1311)

Membaca Al-Quran dengan betul dari segi makhraj dan tajwidnya supaya tidak terpesong pengertiannya adalah menjadi tuntutan agama ke atas orang Islam kerana membaca Al-Quran dapat membentuk akidah dan akhlak individu (Abdul Halim, 1991:93). Ini dijelaskan oleh Ibnu Khaldun dalam kitabnya Muqaddimah (t.tarikh: 507):

Al-Quran itu perlu dipelajari dan dibaca oleh kanak-kanak pada peringkat awal, kerana membaca Al-Quran akan menanamkan benih-benih keimanan ke dalam jiwa kanak-kanak.

Membaca Al-Quran adalah ibadah yang diberi pahala oleh Allah kepada pembacanya jika dibaca dengan sebutan yang betul mengikut kaedah bacaan dan mengikut hukum-hukum tajwid. (Mohd Ali Abu Bakar 1991, Haron Din 1992). Membaca Al-Quran dengan betul penting untuk menentukan ibadah

yang dilakukan sah atau tidak sah. Oleh itu, mempelajari dan membaca Al-Quran mestilah secara musyafahah, iaitu diterima dari mulut ke mulut, seperti Rasulullah S.A.W. menerima Al-Quran secara musyafahah dari Jibril (Sahih Bukhari, Misr, t.t:3). Apabila seseorang berkemampuan membaca Al-Quran, adalah digalakkan membaca Al-Quran, supaya sekurang-kurangnya dapat mengamalkan membaca Al-Quran sebanyak satu juzuk dalam sehari. Pembacaan Al-Quran yang sederhana ialah di antara empat dan lima juzuk sehari dan yang paling baik dapat dikhatamkan dalam masa tiga hari (Abdul Halim, 1991:93).

Membaca Al-Quran sangat digalakkan kepada umat Islam, sehingga setiap huruf yang dibaca, akan diberi sepuluh kebaikan. Ini diterangkan dalam sebuah hadith Rasulullah S.A.W. :

عَنْ أَيُّوبَ بْنِ مُوسَى قَالَ : سَمِعْتُ مُحَمَّدَ بْنَ كَعْبَ الْقَرْظَى،
قَالَ : سَمِعْتُ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ مَسْعُودَ يَقُولُ ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ
صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ قَرْأَ حِرْفٍ مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بَهْ
حَسَنَةٌ ، وَالْخَيْرَةُ بَعْشَرَ أَمْثَالَهَا ، لَا أَقُولُ الْمَحْرَفَ
وَلَكِنَّ الْفَ حَرْفٌ وَلَا الْمَحْرَفُ وَمِيمٌ حَرْفٌ .

(Riwayat Tarmidhi)

Maksudnya:

Daripada Ayyub bin Musa, ia berkata, aku telah mendengar Abdullah bin Mas'ud berkata: Rasulullah telah bersabda, sesiapa yang membaca satu huruf dari Al-Quran, baginya sepuluh kebaikan. Aku tidak bermaksud Alif Lam Mim satu huruf, tetapi Alif satu

huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf (Al-Tarmidhi, 1975).

Membaca Al-Quran dapat menambahkan keimanan seseorang kepada Allah. Kelebihan ini telah dinyatakan dalam Firman Allah:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ كَالَّذِينَ إِذَا ذِكْرَ اللَّهِ وَجِلَتْ
قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تَلَيْتَ عَلَيْهِمْ أَيْتَهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَى رَبِّهِمْ
يَتَوَكَّلُونَ

(Al-Quran, Al-Anfāl, ayat:2)

Maksudnya:

Sesungguhnya orang yang beriman itu (yang sempurna imannya) ialah mereka yang apabila disebut (nama) Allah (dan sifat-sifat-Nya) gementarlah hati mereka, dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah.

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1983:323)

Membaca Al-Quran dapat memberi pertolongan (syafaat) kepada pembacanya di hari akhirat, sekiranya dibaca dengan niat dan cara yang betul.

Ini dijelaskan melalui sabda Nabi S.A.W. :

عَنْ أَبِي أَمَامَةَ الْمَاهَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : سَمِعْتُ
رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : إِقْرُوا
الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعاً لِأَصْحَابِهِ .

(Riwayat Muslim)

Maksudnya:

Dari Abi Ummah r.a. berkata: Aku telah mendengar Rasulullah S.A.W. bersabda: Bacalah Al-Quran, sesungguhnya ia akan datang pada Hari Qiamat sebagai pemberi syafaat kepada pembacanya (Riwayat Muslim).

Membaca Al-Quran adalah dijanjikan pahala yang banyak. Rasulullah S.A.W. menerangkan tentang kelebihan membaca Al-Quran dengan menggalakkan para sahabat membaca Al-Quran. Ini dijelaskan dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Hibban:

عَنْ أَبِي ذِرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ أَوْصِنِي ،
قَالَ : عَلَيْكَ بِتَقْوَى اللَّهِ تَعَالَى فَإِنَّهَا رَأْسُ الْأَمْرِ كُلِّهِ ،
قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ ، زَدْ فِي ، قَالَ : عَلَيْكَ بِتَلَاقِهِ الْقُرْآنَ
فَإِنَّهُ نُورٌ لَكَ فِي الْأَرْضِ وَذَخْرٌ لَكَ فِي السَّمَاوَاتِ .

(Riwayat Ibnu Hibban)

Maksudnya:

Daripada Abi Zar r.a. telah berkata; Wahai Rasulullah, nasihatilah aku, Nabi S.A.W. bersabda; Aku nasihati engkau supaya bertaqwa kepada Allah. Sesungguhnya ia adalah punca segala urusan. Aku berkata lagi, tambahkan lagi dengan nasihat yang lain. Nabi menjawab, hendaklah engkau membaca Al-Quran, sesungguhnya Al-Quran adalah cahaya bagi kamu di muka bumi dan pahala yang tersimpan banyaknya di langit.

Pahala membaca Al-Quran bukan sahaja diberi kepada mereka yang membacanya, tetapi juga diberi kepada pendengarnya. Hal ini dijelaskan oleh Firman Allah:

وَإِذَا قَرَأْتُمُ الْقُرْآنَ
 فَاسْتَعِنُوا بِهِ وَأَنْصِبُوا لَعَلَّكُمْ تُرَحَّمُونَ ﴿٢٤﴾

(Al-Quran, Al-A'rāf ayat:204)

Maksudnya:

Apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarkanlah akan dia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat.

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1983:320).

Ayat di atas menjelaskan, Allah akan memberi rahmat dan keberkatan kepada pembaca Al-Quran dan pendengar yang mendengar ayat-ayat Al-Quran. Rasulullah S.A.W. dan para sahabat membaca Al-Quran di samping mendengar bacaan Al-Quran yang dibacakan kepada baginda (Riwayat Muslim, 1981).

Ayat di atas juga membuktikan kepada umat Islam, tentang betapa banyaknya pahala umat Islam membaca Al-Quran. Oleh itu membaca dan memahami Al-Quran adalah penting, kerana membaca Al-Quran adalah doa pengikat antara hamba dengan Pencipta. Dengan membaca Al-Quran juga dapat membina kekuatan jiwa dan semangat perjuangan serta sebagai penawar dan pengubat penyakit. lihat (Al-Isrā', ayat:82).

Membaca Al-Quran memberi faedah yang banyak kepada umat Islam, terutama bagi seseorang yang menghadapi masalah dalam kehidupan. Ini kerana ia dapat membantu mengatasi segala masalah sama ada dalam urusan dunia maupun urusan di akhirat. Di antaranya:

- i. Bidang akidah: membaca Al-Quran dan memahami isi-isi Al-Quran boleh membersihkan jiwa manusia daripada kekotoran syirik (Al-Qardhawi 1982:23, Abdul Raof 1989:114, Langgulung 1981:179). Membaca Al-Quran juga dapat meneguhkan keimanan kepada Allah dan bermian dengan rukun-rukun iman yang lain. Membaca Al-Quran adalah sumber pendidikan Islam. Dengan membaca Al-Quran dan mengamalkan suruhan Al-Quran, akidah umat Islam dapat dikawal, dan ia adalah asas kepada pendidikan keseluruhannya (Abdul Halim Muhammadi, 1991).
- ii. Bidang akhlak: dengan mengamalkan suruhan Al-Quran dapat membentuk akhlak yang baik iaitu akhlak dengan Allah, akhlak sesama manusia dan dengan makhluk Allah yang lain serta mendidik umat Islam supaya bertanggungjawab, seperti menyuruh kepada melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran (Fakhir Aqil 1964:29, Abdul Raof 1989:114, Langgulung 1981:179).

- iii. Bidang hukum: dengan memahami isi kandungannya dapat membantu dalam pengetahuan hukum-hukum yang telah ditentukan oleh Allah mengenai perkataan, perbuatan dan perkara-perkara lain yang timbul daripada manusia, serta dapat mengetahui cara komunikasi yang baik dengan individu, masyarakat dan boleh memahami semua aspek tentang hukum-hukum Islam yang terkandung di dalam Al-Quran (Al-Tamimi 1985:38, Abdul Raof 1989:114).
- iv. Bidang ibadah: dapat mengawal tindak tanduk manusia supaya dapat melakukan sesuatu selaras dengan kehendak Allah serta mengajar manusia supaya beribadat dengan betul (Ashsha'rawi 1976:7, Abdul Raof 1989:114).
- v. Bidang pendidikan: dapat mengetahui cerita-cerita manusia dahulu untuk perbandingan dan teladan (Langgulung 1991:179, Abdul Raof 1989:114).
- vi. Bidang pemikiran: dapat membimbing pemikiran terhadap kekuasaan Allah di langit dan di bumi; menyingkap rahsia-rahsia alam dengan daya cipta-Nya yang unik untuk faedah manusia. (Abdul Raof 1989:114, Langgulung 1991:180).

Berdasarkan kepentingan membaca Al-Quran seperti yang dijelaskan dalam ayat-ayat dan hadith di atas, wajarlah membaca Al-Quran diberi penekanan dalam pendidikan; dan patut diberi perhatian oleh semua umat Islam, terutamanya pelajar-pelajar. Membaca Al-Quran dapat mendidik dan melatih aqliah, jasmaniah dan ruhaniah manusia bersumberkan wahyu Allah, bagi melahirkan manusia yang bertaqwa dan mengabdikan diri kepada Allah.

An-Nadawi (1982:89) menegaskan: Al-Quran adalah sebuah kitab yang wajib dipelajari dan sebagai sebuah kitab mukjizat abadi yang tidak terdapat kebatilan di dalamnya, dan tidak terdapat kesalahan dari segi maknanya. Oleh itu umat Islam dikehendaki mempelajari dan membaca Al-Quran sebagai memenuhi tuntutan Allah. Allah menegaskan di dalam Al-Quran:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنُ أَن يَهْدِي لِلّٰتِي هِيَ أَقْرَمُ وَيُبَشِّرُ
الْمُرْسَلِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَيْرًا

(Al-Quran, Al-Isra' ayat:9)

Maksudnya:

Sesungguhnya Al-Quran ini memberikan petunjuk kepada jalan yang amat betul (Agama Islam), dan memberikan berita yang menggembirakan kepada orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh bahawa mereka beroleh pahala yang besar.

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1983:549).

Hasil Seminar Pengajian Al-Quran 1985 di UKM merumuskan bahawa terdapat kesan yang buruk akibat tidak mempelajari cara/kaedah membaca Al-Quran dan tafsir iaitu:

- i. Tidak sah solat dan tidak sempurna ibadah-ibadah lain yang melibatkan bacaan Al-Quran;
- ii. Menjadi malas dan tidak berminat untuk mengerjakan ibadah kepada Allah;
- iii. Tidak akan memahami hukum-hukum yang diterangkan dalam Al-Quran;
- iv. Hidup tidak mempunyai matlamat yang jelas.

Ibnu Al-Qayyim Rahimahullah (dalam Haron Din 1992:98), ketika membuat tafsiran terhadap surah Al-Furqan ayat 30- 31:

وَقَالَ الرَّسُولُ
يَرَبِّ إِنَّ قَوْمِي أَتَخَذُوا هَذَا الْقُرْءَانَ مَهْجُورًا ﴿٣٠﴾ وَكَذَلِكَ
جَعَلْنَا لِكُلِّ نَبِيٍّ عَدُوًّا مِّنَ الْمُجْرِمِينَ وَكَفَى بِرَبِّكَ هَادِيًّا
وَنَصِيرًا ﴿٣١﴾

Dan berkatalah Rasul: Wahai Tuhanku, sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Quran ini satu perlengkapan yang ditinggalkan tidak dipakai. Demikianlah kami jadikan musuh untuk tiap-tiap orang nabi iaitu orang yang jahat, cukuplah Tuhanmu yang menjadi petunjuk dan penolong (untukmu).

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1983:762)

Beliau telah mengulas bahawa terdapat sekurang-kurangnya lima keadaan pemulauan yang boleh berlaku iaitu:

- i. Enggan mendengar pembacaan Al-Quran;
- ii. Enggan beriman dengan Al-Quran;
- iii. Enggan mengambil hukum-hukum daripada Al-Quran dan enggan pula menerima hukum darinya;
- iv. Enggan mengambil iktibar dan enggan memberi perhatian untuk memahaminya;
- v. Enggan mencari kesembuhan dengan Al-Quran dan enggan pula menjadikannya sebagai ubat.

Kini ternyata perkara yang dahulunya telah berlaku di kalangan musuh-musuh Islam dengan memulaukan Al-Quran, berulang di kalangan umat Islam masa kini, seperti yang disebut oleh Ibnu Al-Qayyim. Haron Din (1992:99) menyatakan keadaan ini berlaku berdasarkan fenomena yang berikut:

- i. Al-Quran tidak dibaca kerana umat Islam tidak pandai membacanya;
- ii. Al-Quran tidak diikuti petunjuknya kerana tidak dapat difahami maksudnya;
- iii. Al-Quran tidak dapat dihayati kandungannya kerana bercanggah dengan nafsu jahat yang ada;

- iv. Al-Quran tidak dijadikan penyembuh dari penyakit-penyakit yang rumit kerana ianya tidak pernah dipelajari dan dianggap tidak mampu memberi kesan dalam perubatan. Sedangkan Allah berfirman:

وَنَزَّلَ مِنَ الْقُرْآنَ مَا هُوَ شَفَاءٌ

 وَرَحْمَةً لِلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

(Al-Quran, Al-Isra':82)

Yang bermaksud:

Dan kami turunkan Al-Quran yang ada di antaranya menjadi penawar untuk kesembuhan penyakit dan menjadi rahmat bagi orang-orang yang beriman.

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman 1983:541)

Berlakunya perkara-perkara yang disebutkan di atas adalah berpunca daripada kejahanan umat Islam terhadap Al-Quran. Daripada kejahanan yang menyeluruh tentang Al-Quran itu, lahirlah sikap memusuhi Al-Quran sama ada secara sedar atau tidak sedar.

Sebagai langkah memerangi kejahanan Al-Quran, maka usaha yang bersungguh-sungguh perlu dilakukan untuk membasmi buta huruf Al-Quran atau buta Al-Quran yang semakin hari semakin meluas (Haron Din, 1992:99).

Berdasarkan fenomena-fenomena yang telah berlaku ke atas umat Islam kini, maka eloklah kita kembali kepada mempelajari Al-Quran dengan membaca Al-Quran dan memahami pengertian ayat-ayat di dalamnya serta mengamalkan suruhan Al-Quran dengan penuh keikhlasan. Sikap tidak suka membaca Al-Quran merupakan satu kerugian yang besar kerana Al-Quran adalah panduan dan pedoman di dalam segala bidang kehidupan, kerana kehidupan yang tidak berpandukan kebenaran Al-Quran akan terus menderita dilanda berbagai-bagai masalah yang semakin hari semakin parah (Wan Salim, 1989).

Berdasarkan kepentingan-kepentingan membaca Al-Quran yang dijelaskan di atas, wajarlah diberi penekanan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Masa yang diperuntukkan ialah sebanyak 40 peratus daripada masa yang diperuntukkan untuk mata pelajaran Pendidikan Islam keseluruhannya.(Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam, Tingkatan Satu, 1990). Wan Bakar, (1994:14) menyatakan penekanan di peringkat sekolah menengah ini harus ditekankan kepada aspek membaca dengan sebutan huruf yang betul dan bacaan mengikut hukum-hukum tilawah. Perkara ini dilakukan, berdasarkan kepentingan membaca Al-Quran yang bertujuan untuk membentuk insan yang seimbang dan sepadu dari segi rohani, intelek, emosi dan jasmani, selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara (Pukal KBSM 1994:20). Dengan mempelajari Al-Quran juga diharapkan, dapat melahirkan insan yang mematuhi perintah Allah sesuai dengan sifatnya sebagai khalifah

untuk menguruskan alam dan sumber-sumbernya serta memakmurkan alam dengan rasa penuh tanggung jawab dan bijaksana (Sukatan Pendidikan Islam, Tingkatan Satu, 1990) dan melahirkan pelajar-pelajar yang mencintai Al-Quran, melazimkan membaca Al-Quran (Wan Bakar, 1994:14).

Zainal Abidin Abdul Kadir (1990) mengatakan, berdasarkan kepentingan-kepentingan membaca Al-Quran, maka Pendidikan Al-Quran dijadikan teras Pendidikan Islam dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Beliau juga mencadangkan supaya pihak Kementerian Pendidikan menentukan tahap-tahap pencapaian Pendidikan Al-Quran dari peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, menengah atas dan peringkat pengajian tinggi (Utusan Malaysia, 20 Mac 1990).

B. PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979, yang mengkaji mata pelajaran Pendidikan Islam untuk tempoh dua puluh tahun (1962-1982), menunjukkan pelajar-pelajar di sekolah rendah dan sekolah menengah masih berada ditahap yang kurang memuaskan dalam pendidikan Al-Quran. Kelemahan ini mengikut Zainal Abidin (1990) disedari oleh perancang dan penggubal Kurikulum Pendidikan Islam selepas menerima Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 (Utusan Malaysia, 20 Mac, 1990).

Oleh itu satu reformasi pendidikan telah dibuat ke atas kurikulum sekolah rendah dan kurikulum sekolah menengah di seluruh negara termasuk Kurikulum Pendidikan Islam. Perubahan kurikulum ini adalah menggantikan kurikulum lama sekolah rendah dan kurikulum lama sekolah menengah. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah termasuk mata pelajaran Pendidikan Islam dilaksanakan di semua sekolah menengah pada tahun 1989.

Selepas lima tahun dilaksanakan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM, kajian dibuat, ternyata masih terdapat rungutan daripada ibu bapa, dan laporan daripada Jemaah Nazir Sekolah-sekolah Persekutuan (1993) yang menyatakan bahawa masih terdapat di kalangan pelajar-pelajar yang menduduki tingkatan satu di sekolah menengah masih tidak mahir membaca Al-Quran.

Che Pee Saad (1993) menyatakan, hasil mesyuarat, perbincangan, pengamatan dan penyelidikan mendapati bahawa pelaksanaan pendidikan Islam di sekolah-sekolah menghadapi berbagai-bagai masalah. Antaranya ialah:

- i. Sebahagian pelajar tidak dapat membaca Al-Quran dengan baik pada peringkat KBSR; hal ini akan berlanjutan apabila pelajar-pelajar tersebut masuk ke tingkatan satu;
- ii. Sebahagian pelajar tidak dapat menguasai jawi dengan baik pada peringkat KBSR, dan masih lemah dalam bacaan jawi di tingkatan satu. Kelemahan dalam bacaan jawi boleh mengurangkan minat

pelajar untuk mempelajari Pendidikan Islam, kerana buku teks Pendidikan Islam dicetak dalam tulisan jawi.

(Seminar Pendidikan Islam 21-27 Ogos, 1993)

Laporan di atas disokong oleh dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Muhamad Endut (1992) yang menyatakan ramai pelajar sekolah menengah tidak tahu membaca Al-Quran. Pelajar-pelajar yang lambat menguasai kemahiran jawi pula disebabkan penekanan hanya diberi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam.

Berdasarkan laporan-laporan dan saranan yang telah ditulis oleh Muhamad Endut (1992 : 151):

Adalah dicadangkan supaya kajian lain yang meliputi aspek pembelajaran murid pula dijalankan oleh penyelidik lain bagi mendapatkan gambaran yang lebih mendalam berhubung dengan proses pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di Sekolah-sekolah.

Madihah Haji Mohamad (1992) dalam latihan ilmiahnya mendapati masih ketara pelajar menghadapi masalah untuk mendalami Al-Quran oleh faktor-faktor berikut:

- i. Pelajar kurang lancar membaca Al-Quran;
- ii. Pelajar lemah dalam memahami hukum-hukum tajwid;
- iii. Pelajar tidak boleh menguasai bacaan dan tulisan jawi;
- iv. Pelajar lemah dalam makhraj huruf (Sebutan huruf);

- v. Sebahagian pelajar tidak boleh membaca potongan ayat-ayat pendek.

Madihah (1992) menyarankan kajian dibuat untuk mengenal pasti masalah-masalah yang timbul dalam membaca Al-Quran. Satu faktor lain yang menyebabkan kelemahan pelajar-pelajar membaca Al-Quran adalah disebabkan lemah dalam bacaan jawi.

Hal ini telah dinyatakan oleh Shukur Husin (1994), Dekan Fakulti Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia:

Kementerian Pendidikan harus mengambil langkah segera untuk memastikan tulisan jawi diajar semula dalam sistem pendidikan negara. Menurutnya tulisan jawi mempunyai perkaitan dan hubungan yang langsung dengan tradisi persuratan Melayu dan nilai-nilai keislaman. Melalui tulisan jawi proses mengenal Al-Quran akan menjadi lebih mudah dan berkesan.

(Utusan Malaysia 4 Mei, 1994).

Susulan daripada resolusi-resolusi Konvensyen Tulisan Jawi dan desakan daripada orang ramai yang mahukan ejaan jawi terus dipelihara supaya tidak pupus, Murad Mohd. Noor (1984) Ketua Pengarah Pelajaran ketika itu telah mengumumkan bahawa tulisan jawi akan diwajibkan dalam mata pelajaran Agama Islam di sekolah-sekolah seluruh negara mulai 1985 (Utusan Malaysia 7 November, 1984).

Pergerakan Pemuda UMNO menyifatkan keputusan kerajaan mewajibkan pelajar-pelajar beragama Islam dalam penggunaan tulisan jawi bagi pelajar-pelajar Islam di semua sekolah sebagai langkah yang munasabah, berani dan wajar ke arah pembangunan umat Islam (Utusan Malaysia 27 Oktober, 1984).

Mohd. Noor Ahmad (1984) bekas Yang Dipertua Agung Kesatuan Persekutuan Guru-guru Melayu Semenanjung menganggap langkah menggunakan tulisan jawi sepenuhnya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sebagai sangat tepat pada masanya. (Utusan Malaysia 22 Oktober, 1984).

Pandangan dan gesaan daripada pelbagai pihak telah diambil perhatian oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Timbalan Menteri Pendidikan Malaysia telah menegaskan seperti berikut:

Untuk mengurangi masalah tersebut kementerian akan memberi keutamaan kepada pelajaran Asuhan Membaca Al-Quran dan pelajaran jawi di sekolah melalui KBSR. Untuk kemahiran tulisan dan bacaan jawi pula buku-buku jawi dan guru agama mengajar dengan menggunakan tulisan jawi.

(Berita Harian 26 November, 1987)

Kesatuan Guru-Guru Melayu Malaysia Barat (KGMMB) juga telah menyarankan supaya tulisan jawi turut digalakkan dalam mata pelajaran Pendidikan Islam yang sekarang masih diajar dalam tulisan rumi.

(Utusan Malaysia 7 April, 1994)

Kajian Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) yang dijalankan pada bulan Julai, 1987 di sekolah makmal atau percubaan PPK menunjukkan peratus murid yang boleh membaca jawi bagi tahun tiga ialah 65.7 peratus dan tahun empat sebanyak 58.5 peratus.

Berdasarkan Laporan Kajian Bahagian Pendidikan Islam, September (1987) Timbalan Menteri Pendidikan menyatakan 69.74% murid-murid dari tahun 6 sekolah percubaan KBSR boleh membaca jawi dan 67.21% boleh menulis jawi. Sungguhpun peratus murid-murid tahun 6 yang boleh membaca jawi adalah tinggi, perlu diingatkan bahawa kajian ini hanya terbatas kepada beberapa buah sekolah sahaja. Tentu sekali ia tidak dapat menggambarkan keadaan populasi yang sebenar. Jika peratus ini diterima bererti 30.26 % murid tahun 6 tidak boleh membaca jawi. Peratus ini jika dinisbahkan kepada bilangan sebenar murid tahun 6 di seluruh negara, tentulah jumlahnya besar dan membimbangkan.

Kelemahan dalam bacaan jawi ini boleh mengurangkan minat pelajar dalam membaca Al-Quran kerana buku teks pendidikan Islam dicetak dalam huruf jawi.

Unit Pendidikan Islam, Pusat Perkembangan Kurikulum (Februari, 1991) melaporkan dapatan tentang beberapa kajian penguasaan murid KBSR dalam pelajaran jawi yang dijalankan oleh Jabatan Pendidikan Negeri seperti berikut:

- i. Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dalam laporannya berdasarkan keputusan ujian penilaian akhir tahun 1989 mendapati 48.3% murid lemah dalam bacaan jawi;
- ii. Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dalam laporan pelaksanaan pelajaran jawi menunjukkan 38.4 % sahaja murid-murid yang boleh membaca dengan cemerlang. Manakala 65.5% ialah murid-murid lemah;
- iii. Jabatan Pendidikan Negeri Perlis telah membuat kajian pada bulan Oktober, 1989. Hasil dapatannya menunjukkan pencapaian pelajaran jawi amat kurang memuaskan. Dengan itu, pelaksanaan KBSR pelajaran jawi tidak mencapai matlamatnya;
- iv. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan dalam laporannya menyatakan prestasi pelajaran jawi dalam aspek bacaan dan penulisan adalah tidak memuaskan;
- v. Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan dalam laporan pencapaian pada tahun 1989 menyatakan kegagalan murid sekolah rendah dalam Pendidikan Islam adalah berpunca daripada pelajaran jawi;
- vi. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah melaporkan prestasi pengajaran jawi dalam aspek bacaan dan tulisan pada keseluruhannya adalah kurang memuaskan kerana pelajaran jawi tidak diajar dari tahun satu lagi.

Berdasarkan laporan-laporan di atas jelas menunjukkan kelemahan pelajar-pelajar dalam membaca Al-Quran mempunyai kaitan yang rapat dengan lemah dalam bacaan dan tulisan jawi. Ini diakui oleh Zainal Abidin Abd. Kadir, Ketua Pengarah Pusat Islam, Jabatan Perdana Menteri, mengatakan:

Program kelas Fardhu Ain Pusat Islam yang dilancarkan dua tahun lalu kini berjaya mengatasi kelemahan mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah rendah. Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan mengenai kurang keberkesanan mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah rendah masa ini. Zainal Abidin memberitahu, antara mata pelajaran yang ditekankan melalui kelas tersebut ialah membaca Al-Quran, mengenai rukun sembahyang dan belajar tulisan jawi.

(Utusan Malaysia 13.11.1992).

Berdasarkan kajian-kajian di atas, dan daripada kelemahan-kelemahan pelajar dalam membaca Al-Quran, dan dalam membaca jawi, pengkaji bercadang untuk menjalankan satu kajian tentang sejauh mana kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar tingkatan satu, di sebuah sekolah menengah di Daerah Gombak, iaitu Sekolah Menengah Selayang Baru sebagai kajian kes.

C. LATAR BELAKANG PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

Untuk lebih jelas tentang Pendidikan Islam yang dimaksudkan dalam kajian ini, eloklah dijelaskan latar belakangnya terlebih dahulu. Tinjauan ke atas sejarah perkembangan pendidikan formal di Malaysia mendapati pendidikan agamalah yang mula-mula sekali wujud, dan memainkan peranan dalam menyampaikan pendidikan secara formal kepada masyarakat. (Mohamad Yunus 1990:2, Awang Had 1980:1).

Pendidikan Islam adalah memainkan peranan yang penting dalam Islam. Kedudukannya jelas apabila kita mengkaji ayat pertama yang diturunkan oleh Allah, adalah ayat suruhan tentang pendidikan melalui baca dan tulis. Firman Allah:

أَفَرَأَيْتَ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ (١) خَلْقَ إِنْسَانٍ مِّنْ عَلِيقٍ (٢) أَفَرَأَيْتَ رَبِّكَ
الْأَكْرَمُ (٣) الَّذِي عَلَمَ بِالْقَلْمَرِ (٤)

(Al-Quran, Al-Alaq ayat 1-4)

Maksudnya:

Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang mencipta (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia dari seketul darah beku. Bacalah, dan Tuhanmulah Yang Maha Pemurah, yang mengajar manusia melalui pena.

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman, 1983:1412).

Zawawi Ahmad (1988) menyatakan bahawa wahyu ini adalah perintah Ilahi kepada Rasulullah S.A.W. supaya mengisyihar dan menyebarkan risalah kepada semua umat manusia. Ia mengandungi perintah yang menyuruh manusia belajar mengenal Tuhan-Nya, memahami fenomena alam dan memahami diri mereka sendiri, serta menghayati cara hidup yang baik adalah tergolong di dalam prinsip aqidah, ilmu dan amal. Ketiga-tiga perkara ini pula dianggap teras kepada falsafah pendidikan Islam.

Agama Islam mewajibkan penganutnya membaca dan mempelajari Al-Quran di samping mempelajari perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum-hukum Islam. Berikutan daripada suruhan agama ini membawa kepada wujudnya kelas-kelas membaca Al-Quran, dan kelas-kelas agama. Kelas-kelas membaca Al-Quran ini diadakan dengan tujuan mengajar umat Islam ilmu-ilmu tentang bacaan Al-Quran dan ilmu-ilmu yang berkaitan dengan amal ibadat seperti Fardhu Ain, Fardhu Kifayah, Sirah Nabi dan segala hukum yang terkandung di dalam Al-Quran.

Haron Din, Sobri Salamon (1988:16) dan Sabri Haji Said (1983:vii) menyatakan perkembangan Pendidikan Al-Quran di Malaysia mengalami empat tahap:

- i. Sistem belajar di rumah guru;
- ii. Sistem pondok;
- iii. Sistem madrasah;

- iv. Dasar Pelajaran Kebangsaan (Melalui sekolah di bawah Kementerian Pendidikan atau Jabatan Agama Islam Negeri).

Berikut diuraikan secara ringkas tentang perkembangan Pendidikan Al-Quran di Malaysia:

Sistem Belajar Di Rumah Guru

Kehadiran Agama Islam di Kepulauan Melayu sejak abad ketiga belas lagi telah mengubah corak kebudayaan Melayu dari budaya Hindu kepada Islam. (Al-Attas S.M.N. 1970, Abdullah Al-Qari 1968:343-345, Auni Haji Abdullah 1977:18-23). Setelah kebudayaan Islam meresap ke dalam kehidupan masyarakat Melayu, maka Pendidikan Al-Quran telah diterima sebagai alat dan proses sosialisasi kanak-kanak Islam dalam setiap keluarga orang Melayu (Hashim, 1963). Mengikut Hikayat Abdullah Munshi (1960:16-17), kanak-kanak diperingkat awal lagi telah diajar membaca dan menulis, kemudian apabila kanak-kanak itu sudah boleh membaca dan menulis, mereka belajar membaca Al-Quran daripada guru Al-Quran yang berkelayakan dan berkebolehan. Pengajian ini dilakukan di rumah guru sendiri (Al-Attas, 1972). Seterusnya beliau menyatakan bahawa kedatangan Islam ke Alam Melayu ini telah membawa semangat nasionalisme dan intelektualisme, bukan sahaja di kalangan istana, malah merebak kepada rakyat jelata.

Rauf (1967) dan Hall (1972) menyatakan bahawa terdapat berbagai-bagi institusi Pengajian Islam dalam bentuk formal seperti rumah, masjid, surau dan istana pada zaman Kerajaan Melaka dijadikan pusat pendidikan dan penyebaran Agama Islam. Abdullah Ishak (1989,1994) menjelaskan bahawa struktur dan kurikulum Pendidikan Islam pada zaman Kerajaan Melayu Melaka lebih menekankan kepada pengajian membaca Al-Quran, di samping ilmu-ilmu lain yang berkaitan dengan keagamaan seperti Ilmu Tauhid, Ilmu Fiqh, Tasauf, Sejarah Islam dan pengajaran yang mendatangkan kebaikan. Pembelajaran seperti ini dilakukan di rumah guru atau imam yang biasanya diajar kepada orang dewasa dan juga kanak-kanak. Mengikut Awang had (1980:2) pelajaran yang diajarkan hanya pelajaran-pelajaran yang asas, iaitu membaca Al-Quran, cara-cara sembahyang, berpuasa dan perkara-perkara penting yang sepatutnya diketahui oleh seorang Islam termasuklah cara-cara bersuci dan penentuan benda-benda yang halal dan yang haram serta dosa dan pahala.

Di sini jelas menunjukkan setelah kemasukan Islam di Kepulauan Melayu, masyarakat Islam menerima Islam dengan mempelajari Al-Quran dan ilmu-ilmu yang dituntut oleh Islam untuk dipelajari (Al-Attas,1972). Tradisi masyarakat Melayu Islam menjadikan pengajian Al-Quran sebagai pelajaran dasar di samping pelajaran-pelajaran lain. Ini dinyatakan oleh Munshi Abdullah (1974) seperti berikut:

"Dari zaman nenek moyang pun tidak pernah pula orang menaruh tempat belajar bahasa Melayu, melainkan mengaji Quran sahaja".

Al-Attas (1972) menyatakan, sejarah telah mencatatkan bahawa pendidikan di Semenanjung Tanah Melayu bermula dengan sekolah Al-Quran. Catatan Abdullah Munshi (Hikayat Abdullah, 1920) menjelaskan bahawa sebelum orang-orang Eropah menakluki Tanah Melayu, tidak terdapat sekolah khas sebagai tempat belajar, kecuali beberapa tempat belajar Al-Quran. Kenyataan di atas disokong oleh buku Hikayat Abdullah Satu (1966), di mana Stamford Raffles bersama-sama Abdullah Munshi telah melawat ke beberapa tempat orang-orang Melayu belajar pada tahun 1819. Raffles bertanya kepada seorang guru (Lebai Abdul Razak):

" Maka apa sebab guru tidak ajar Bahasa Melayu. "

Maka jawab guru itu:

"Orang-orang yang ampunya anak ini menyuruh ajarkan Al-Quran dulu. Maka kalau sudah ia dapat Al-Quran, kemudian boleh belajar Bahasa Melayu."

Dialog di atas menunjukkan orang Melayu pada masa itu sangat mementingkan pengajian Al-Quran untuk diajarkan kepada anak-anak mereka. Setelah menguasai pengajian Al-Quran, maka baharulah ilmu-ilmu lain pula diajarkan.

Menurut Kern (1956) pada masa tersebut sekolah-sekolah Al-Quran tidak mempunyai bangunan tertentu, tetapi kelas-kelas ini bertempat di rumah guru-guru Al-Quran, masjid, surau-surau dan di istana. Guru-guru Al-Quran diberi tanggung jawab mengajar Al-Quran kepada anak-anak orang Melayu ketika itu.

Fatimi (1963:60) dan Zawawi (1984:221) menyatakan pada peringkat awal imam atau guru terdiri dari mereka yang datang dari negeri Arab, Farsi, India dan lain-lain. Mohd. Salleh (1992:2) menyatakan penghijrahan tokoh-tokoh agama dari Patani dan Timur Tengah telah memberikan keuntungan yang besar kepada masyarakat Islam ketika itu, dan ini telah memberi kenyakinan yang kuat kepada pengajaran Agama Islam yang berteraskan Al-Quran dan Hadith. Dengan ini bermakna Pendidikan Al-Quran adalah pendidikan rasmi di peringkat awal. Pendidikan bermula ketika kanak-kanak Melayu berumur enam tahun di kelas Al-Quran, dan di situ guru-guru Al-Quran mengajar membaca Al-Quran, membaca doa dan tentang adab bersopan santun.

Mohamad Yusoff (1986:78) menyatakan Pendidikan Islam yang diajar di rumah guru ini biasanya di mulakan pengajarannya selepas sembahyang Subuh, Zohor atau Maghrib. Pelajar-pelajar diajar membaca Al-Quran serta pelajaran jawi, sebagai panduan untuk membaca Al-Quran. Melalui kemahiran

mengenal huruf, seseorang murid itu akan dapat membaca Al-Quran, untuk membolehkannya mendirikan sembahyang.

Bilangan mereka yang datang belajar di rumah guru ini bertambah dari semasa ke semasa hingga keadaan menjadi sesak dan penuh. Untuk mengatasinya, lahirlah idea mendirikan surau. Maka pembelajaran dari rumah guru berpindah ke surau. Mahmod Yaacob (1974) dan Sufean Hussin (1993:28) menyatakan terdapat di antara pelajar yang datang dari jauh untuk menerima pelajaran. Keadaan ini menimbulkan masalah untuk berulang-alik dan memerlukan tempat tinggal. Apabila pelajar yang jauh ini semakin bertambah ramai, pondok-pondok kecil didirikan di persekitaran rumah guru. Kebiasaananya pondok ini didirikan secara bergotong royong. Dengan ini wujudlah istilah yang disebut sebagai sistem pondok (Sabri Haji Said, 1983:17).

Sistem Pondok

Menurut Rauf (1967) perkataan pondok berasal daripada perkataan Arab "funduq" yang bermaksud tempat menginap atau rumah tumpangan untuk penuntut-penuntut yang datang menuntut ilmu agama dengan membawa segala keperluan yang secukupnya dalam tempoh pengajian mereka. Maksud perkataan 'pondok' di Malaysia dan di Thailand Selatan (khususnya di wilayah-wilayah Patani, Narathiwat, Yala, Songkhla dan Satun) ialah rumah-rumah kecil tempat tinggal tiga atau empat orang pelajar bagi setiap rumah, dan

merupakan satu institusi pendidikan agama Islam yang dibangunkan secara persendirian dan berasrama (Mohd. Salleh, 1992:3). Abdul Samat Musa (1976:41) menyatakan pondok adalah sama dengan pasentren di Indonesia. Pasentren ialah tempat berkumpul dan menginap pelajar-pelajar atau asrama yang menempatkan pelajar-pelajar agama, yang terletak di sekeliling masjid atau di sekitar rumah-rumah tuan guru. (Sufean Hussin, 1993:2, Omar Mohd Hashim, 1993:28).

Perkataan pondok itu diambil sempena dengan rumah-rumah kecil yang diduduki oleh pelajar-pelajar yang datang untuk belajar agama yang digunakan sebagai gelaran kepada sistem pendidikan tradisional, iaitu sistem pondok. Sistem pengajian pondok lazimnya bermula apabila kedatangan tuan guru atau alim ulamak dari luar yang mengajarkan ilmu agama kepada orang kampung terutama masyarakat petani yang tinggal di kawasan sawah padi. Kebanyakan guru pondok mempunyai pengaruh yang kuat dalam sesebuah kampung dan mereka mengajar penduduk kampung secara sukarela, iaitu kerana Allah. Dengan pertolongan orang kampung, rumah untuk tuan guru dan pondok untuk murid-murid didirikan dalam satu kawasan yang berdekatan. Tempat atau pun tanah untuk mendirikan pondok biasanya kepunyaan tuan guru atau tanah yang diwakafkan oleh orang yang tertentu (Mohd. Salleh, 1992:3).

Sistem pengajian pondok tidak tersusun, tidak mempunyai kerusi meja, dan murid-murid belajar dengan cara duduk bersila (Nik Abdul Aziz, 1977:102).

Manakala sukatan pelajaran juga tidak tersusun. Mata pelajaran yang diajarkan ialah Tauhid, Tafsir, Fiqh, Hadith, Nahu, Saraf, Tasauf, dan doa-doa yang ada hubungan dengan kehidupan harian dan amalan hidup bermasyarakat. Sistem pendidikan pondok juga diajarkan menulis, termasuk mata pelajaran Jawi dan Arab. Bahasa yang digunakan ialah Bahasa Melayu kerana pada masa itu terdapat banyak kitab Arab yang telah diterjemahkan ke Bahasa Melayu. (Mohd. Salleh, 1992:3).

Hassan Langgulung (1987:22) menyatakan sekolah pondok yang terdapat di Tanah Melayu mempunyai persamaan dengan pasentren di Jawa. Rauf (1967) dan Awang Had (1977:33) menyatakan pondok adalah sejenis institusi pendidikan agama yang menguruskan pendidikan agama di luar bandar, bermula dengan mengaji Al-Quran di rumah guru, yang dikenali dengan panggilan 'Tuan Guru'. Terdapat dua jenis pengajian yang dijalankan iaitu:

- i. Pengajian secara tetap untuk murid-murid sepenuh masa;
- ii. Pengajaran pada hujung minggu untuk orang dewasa.

Tujuan umum pengajian pondok ialah untuk melahirkan pelajar yang mengetahui hukum-hukum agama, berakhhlak tinggi, dan beribadat dengan betul (Awang Had, 1977:36). Mengikut Nik Abdul Aziz (1977:103) di dalam sistem pengajian pondok pada umumnya terdapat dua golongan pelajar yang belajar dengan cara yang berlainan, walau pun pada guru yang sama dan

masa belajar yang sama. Golongan pertama ialah pelajar yang belajar secara mendalam kitab pada waktu belajar. Pelajar-pelajar seperti ini digelar golongan penadah kitab. Manakala golongan kedua ialah pelajar yang hanya sekadar mendengar sahaja pengajaran guru, dan golongan pelajar ini digelar sebagai pendengar.

Maziah Yunus (1988:24) dalam kajiannya menyatakan pendidikan pondok merupakan satu sistem pengajian yang terawal wujud di Negeri-negeri Melayu termasuk di negeri Kelantan. Mengikut Winstedt, (1958:9) Negeri Kelantan, Kedah dan Trengganu adalah negeri yang banyak membuka sekolah-sekolah pondok. Sekolah pondok ini mula beroperasi pada awal abad ke sembilan belas, di mana pada tahun 1870-an terdapat lapan buah sekolah pondok di negeri Kedah.

Institusi sekolah pondok ini telah mula berkembang di utara Tanah Melayu pada permulaan abad ke-19, yang dipelopori oleh ulamak-ulamak yang mendapat pendidikan dari Patani. Ulamak-ulamak inilah yang mengajar umat Islam membaca Al-Quran dan mengajar hukum-hukum dalam Al-Quran (Jemaah Nazir, 1992, Sabri Haji Said, 1983:18).

Khoo Kay Kim (1985:50) mengatakan bahawa sistem pendidikan Islam telah menuju ke zaman gemilang dengan bermulanya abad ke dua puluh. Keadaan ini wujud kerana ulamak telah berjaya mengeluarkan pelajar-pelajar

yang mahir dan berkebolehan dalam bidang agama, sehingga boleh menterjemah dan mengarang kitab-kitab agama.

Dalam aspek kurikulum pula, pelajaran yang disampaikan dalam sekolah pondok ialah pelajaran Nahu Arab, Saraf, Sastera Arab, Tafsir Al-Quran, Wirid, Tauhid, Fiqh, Tasauf, Usul Fiqh dan Tarikat Islam (Abdullah Taib, 1972:3, Nabir Abdullah, 1976:10). Abdullah Ishak (1982:123) menyatakan struktur pendidikan dan pembelajaran lebih berbentuk tradisional. Calon pelajar tidak dihadkan umur dan kebolehan. Kriteria utama adalah berkebolehan membaca Al-Quran dan membaca jawi. Pelajar-pelajar tidak dikenakan sebarang yuran atau bayaran masuk. Bayaran imbuhan bergantung kepada sumbangan ikhlas daripada orang ramai dan juga zakat fitrah untuk menampung mana-mana perbelanjaan yang berhubung dengan pondok (Rahim Abdullah, 1973:7). Jangka masa pengajian bergantung kepada kemampuan pelajar sendiri. Biasanya mereka mengambil masa antara lima hingga sepuluh tahun. Kemasukan ke peringkat pengajian lebih tinggi, berdasarkan kemampuan pelajar dalam memahami pelajaran atau kitab baru yang diajarkan. Mengikut Nik Abdul Aziz (1977:106) pelajar-pelajar yang dianggap alim selepas melalui peringkat-peringkat pengajian yang diajarkan digalakkan menyambung pengajian ke Mekah Al-Mukarramah, Mesir dan India untuk mendalami ilmu agama dan menambahkan pengalaman .

Sistem Madrasah

Pada awal abad ke-20, satu gerakan islah berlandaskan idea dari Timur Tengah yang diketuai oleh Sayid Jamaluddin Al-Afghani (1839-1897) dan Mohd Abduh (1849-1905), sudah mula bergerak dan meluas di Asia Tenggara dan India. Pendidikan agama mengalami satu perkembangan baru sebaik sahaja idea islah mula meluas di kalangan masyarakat Islam pada masa itu, iaitu dengan kelahiran sistem madrasah yang lebih bersistematis dan lebih formal berbanding dengan sistem pondok (Fatimi, 1963 dalam Islam Comes to Malaysia).

Mohd Salleh (1988:4) menyatakan, pada awal abad ke dua puluh lahirlah satu institusi yang lebih kemas dan tersusun. Kurikulum institusi tersebut meliputi mata pelajaran yang bersifat keduniaan dan akhirat yang dipelopori oleh kaum muda. Institusi yang dimaksudkan itu ialah madrasah yang lebih dikenali dengan nama Sekolah Agama. Sekolah-sekolah agama yang wujud pada masa itu dapat menyaingi sekolah-sekolah Melayu yang didirikan oleh pihak Kerajaan British pada akhir abad ke sembilan belas (Ahmad Mohd Salleh, 1990).

Dalam sistem madrasah, mata pelajaran Pendidikan Islam sudah tidak tertumpu kepada soal-soal membaca Al-Quran, ibadat dan tauhid semata-mata,

tetapi lebih komprehensif lagi dengan memasukkan ke dalam kurikulumnya mata pelajaran Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah yang amat berguna dalam pendidikan Islam, seperti Bahasa Arab, Hisab, Geografi dan lain-lain lagi yang boleh menolong pelajar mendapat pendidikan yang lebih sempurna (Mohamad Yusuf, 1986:79, Jemaah Nazir, 1992).

Dalam hubungan ini, Haron Din dan Sobri Salamon (1988:19) menegaskan:

"Sistem madrasah, lebih sistematik dan lebih formal dari sistem pondok. Dalam sistem madrasah, mata pelajaran Agama Islam sudah tidak tertumpu kepada soal-soal ibadat dan tauhid semata-mata, tetapi lebih komprehensif lagi dengan memasukkan dalam kurikulumnya mata pelajaran yang amat berguna dalam pendidikan Islam, seperti Bahasa Arab, Hisab, Geografi dan lain-lain mata pelajaran yang boleh menolong pelajar-pelajar mendapat pendidikan yang sempurna".

Kelahiran sistem madrasah di Tanah Melayu tidak menjaskankan keunggulan sistem pendidikan pondok yang sedia ada, sebaliknya berganding bahu dalam Pengajian Al-Quran dan Pendidikan Islam. Dengan kerjasama masyarakat setempat dan semangat ulamak-ulamak Islah, dalam tahun 1906 lahirlah sebuah Madrasah Al-Masriyyah di Bukit Mertajam, Seberang Perai dan diikuti sebuah lagi madrasah di Singapura pada tahun 1908. Kedua-dua madrasah tersebut lahir dan memulakan perkhidmatan kepada kanak-kanak Islam dalam membaca Al-Quran dan ilmu-ilmu Islam yang lain (Syed Mohd. Naguib, 1972, Ahmad Mohd Salleh, 1990).

Ahmad Mohd. Salleh (1990) menyatakan dalam tempoh empat puluh tahun (1900-1940) madrasah-madrasah telah lahir di seluruh Semenanjung Tanah Melayu dengan jumlah yang menggalakkan. Di antaranya ialah:

- i. Al-Madrasah Al-Misriyyah, Bukit Mertajam, tahun 1906 M.
- ii. Madrasah Al-Iqbal al-Islamiyyah dalam tahun 1908.
- iii. Madrasah Al-Masyhur, Pulau Pinang, tahun 1914 M.
- iv. Madrasah Al-Idrisiah, Kuala Kangsar, tahun 1922 M.
- v. Madrasah Zainal Abidin, Kuala Trengganu, tahun 1925 M.
- vi. Maahad Ehya' Al-Sharif, Gunung Semanggul, Perak, tahun 1934 M.
- vii. Maahad Al-Mahmud, Alur Star, Kedah, tahun 1934 M.
- viii. Al-Madrasah Al-Alawiah Al-Diniah, Arau, Perlis, tahun 1937M.

Kurikulum yang dilaksanakan di madrasah-madrasah tersebut ialah Aqidah dan Syariah sebagai teras pembelajarannya. Manakala sumber pendidikannya berpandukan Al-Quran dan Sunnah, dan bahasa pengantarnya ialah Bahasa Arab. Pengajaran dan pembelajarannya meliputi ilmu-ilmu Fardhu Ain dan Fardhu Kifayah.

Dasar Pelajaran Kebangsaan

Seterah merdeka, sistem madrasah menghadapi cabaran yang besar dengan kelahiran Dasar Pelajaran Kebangsaan, mengakibatkan sistem madrasah menjadi lumpuh. Dasar Pelajaran Kebangsaan memberi gambaran yang berbeza dari segi prospektif dengan sistem madrasah, laitu jaminan

ekonomi yang lebih baik bagi pelajar yang lulus dari sekolah kerajaan. Maka tidak hairanlah kalau ramai ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan, manakala sistem madrasah kian malap (Mohd Yunus Noor, 1988).

Semenjak Dasar Pelajaran Kebangsaan diperkenalkan, murid Islam di sekolah rendah dan menengah diwajibkan mempelajari mata pelajaran Pendidikan Islam. Bagi mempertingkatkan kualiti pendidikan Islam di sekolah, maka KBSR dan KBSM telah digubal berdasarkan Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan yang diterbitkan pada tahun 1979 (Laporan Jawatankuasa Kabinet, 1979).

D. SEJARAH PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH

Pelaksanaan Pendidikan Islam di dalam sistem Pendidikan Kebangsaan adalah berdasarkan perakuan-perakuan yang terkandung di dalam Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961. Dalam Laporan Jawatankuasa Pelajaran 1956 (Penyata Razak), polisi kerajaan terhadap Pendidikan Islam adalah jelas. Kerajaan akan membayai pengajian Islam di sekolah-sekolah kerajaan sekiranya terdapat sekurang-kurang 15 orang murid yang beragama Islam di sesebuah sekolah (Ceraian 49 Ordinan Pelajaran 1957). Seterusnya perkara-perkara lain dalam ceraian ordinan ini menegaskan:

- i. Pelajaran agama Islam hendaklah diajar sekurang-kurang dua jam seminggu dalam waktu pengajian am sekolah.

- ii. Hanya guru-guru agama yang bertauliah daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam atau Majlis Agama Islam tiap--tiap negeri dibenarkan mengajar mata pelajaran tersebut.

Berdasarkan perkembangan yang menggalakkan terhadap Pendidikan Islam daripada laporan-laporan pelajaran yang tersebut itu, Pendidikan Islam tidak lagi tertinggal atau diabaikan oleh pemerintah. Murid-murid di sekolah-sekolah kerajaan berpeluang mendapat Pendidikan Islam tanpa perlu menghadiri sekolah-sekolah agama pada sebelah petang (Muhamad Sood, 1981).

Pada tahun 1962 barulah mata pelajaran Pendidikan Islam dimasukkan ke dalam jadual rasmi sekolah dengan peruntukan masa pengajaran dan pembelajarannya sebanyak 120 minit seminggu (Raof Dalip, 1988). Laporan Kabinet (1979: 71) menegaskan seperti berikut:

Memandangkan pentingnya mata pelajaran Pendidikan Islam ini, maka diperakukan semua murid Islam bukan sahaja mesti mengikuti mata pelajaran ini tetapi hendaklah diwajibkan mengambilnya dalam peperiksaan awam.

Berdasarkan kurikulum lama sekolah menengah, didapati ia lebih menumpukan kepada memberi pengetahuan mengenai Agama Islam kepada pelajar-pelajar. Penekanan pengajaran dan pembelajarannya lebih terarah kepada penyampaian maklumat dan ilmu mengenai Agama Islam daripada

pencapaian dalam aspek amalan dan penghayatan Islam di kalangan pelajar-pelajar (Raof Dalip, 1988).

Menyedari kelemahan-kelemahan Pendidikan Islam melalui mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam dalam kurikulum lama di sekolah rendah dan menengah, satu jawatankuasa mengkaji pelajaran Agama Islam di sekolah telah dibentuk pada tahun 1974 untuk mengkaji pelbagai aspek termasuk kurikulum, pengajaran dan pembelajaran juga penyeliaan ke atas mata pelajaran Pengetahuan Agama Islam. Hasil kajian ini telah dilaporkan melalui Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Dasar Pelajaran 1979 yang antara lain menyatakan:

"Mutu pelajaran dan pembelajaran Pengetahuan Agama Islam di sekolah-sekolah sekarang ini belum lagi mencapai satu peringkat yang diharapkan" (Perkara 129).

Pendidikan Agama Islam seperti yang dijalankan pada masa ini kurang menitikberatkan aspek-aspek amali sepetimana yang dijangka dan dikehendaki. (Perkara 348.3)

Rahman Arshad (1987) menyatakan mutu pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah masih berada ditahap yang rendah, dan murid-murid di peringkat sekolah menengah masih ramai yang tidak mahir membaca Al-Quran. Kenyataan di atas disokong oleh dapatan kajian Jemaah Nazir Sekolah-sekolah Persekutuan (1994) yang mendapati 10 peratus daripada pelajar-pelajar tahun enam tidak mahir membaca Al-Quran, 40

peratus membaca dengan melakukan kesilapan semasa membaca, 50 peratus sahaja yang menguasai kemahiran membaca Al-Quran. Jika diteliti dan dikaji sepuluh peratus daripada keseluruhan pelajar Islam tahun enam yang tidak mahir membaca Al-Quran, adalah satu angka yang besar yang perlu diberi perhatian yang serius.

Berdasarkan kepentingan membaca Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam serta masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam membaca Al-Quran, penulis bercadang untuk membuat kajian tentang kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar tingkatan satu, di Sekolah Menengah Selayang Baru dalam Daerah Gombak.

Rasional Pemilihan Ayat dan Surah

Rasional pemilihan ayat-ayat Al-Quran daripada Surah al-Baqarah dan Surah al-Kahfi bagi tingkatan satu ialah untuk mengaitkan tajuk-tajuk yang penting dengan Isu-isu semasa, sesuai dengan pertumbuhan individu, pertumbuhan fizikal, emosi, rohani dan Intelek (Hasil temubual dengan pegawai Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia pada 17 Mei 1994).

Bidang bacaan Al-Quran tingkatan satu telah memberi tumpuan kepada dua aspek, iaitu:

- i. Membaca ayat-ayat Al-Quran dengan betul mengikut hukum-hukum tajwid serta memahami pengertian secara keseluruhan ayat-ayat tertentu berdasarkan tajuk-tajuk yang sesuai.
- ii. Menghafaz ayat-ayat tertentu mengikut hukum tajwid untuk amalan doa, wirid dan tahlil.

Dalam bidang bacaan Al-Quran, pelajar-pelajar dikehendaki mahir membaca ayat-ayat/surah yang ditentukan bagi tingkatan satu mengikut sukanan. Kemahiran membaca Al-Quran ini diukur dalam aspek-aspek berikut:

- i. Sebutan huruf yang betul, dan baris-baris yang betul.
- ii. Hukum-hukum tajwid yang asas seperti dalam sukanan pelajaran tingkatan satu.
- iii. Kelancaran bacaan (kadar bacaan; panjang dan pendek, memulakan bacaan dan memberhentikan bacaan (waqaf).

Hasil temubual dengan Pegawai Unit Pendidikan Islam, Jemaah Nazir Sekolah-sekolah Persekutuan, mendapati kemahiran membaca Al-Quran paling minimum dikuasai oleh pelajar adalah mengenal huruf, mengenal baris, membaca kalimah pendek, membaca ayat pendek dan membaca Al-Quran (masih terdapat kesilapan dalam membaca).

Kajian yang telah dijalankan mendapati sebanyak 50 peratus sahaja murid tahun enam yang boleh membaca Al-Quran mengikut ukuran di atas, manakala 10 peratus murid langsung tidak boleh menguasai kemahiran di atas,

dan 40 peratus murid tidak menguasai sepenuhnya kemahiran membaca Al-Quran, membaca Al-Quran dengan membuat kesilapan.

Ayat-ayat dan surah yang ditentukan bagi tingkatan satu adalah:

- i. Membaca Surah Al-Baqarah ayat 1 hingga 286 dan Surah Al-Kahfi ayat 1 hingga 110.
- ii. Menghafaz ayat-ayat 201, 255, 256, 284 dan 286 Surah Al-Baqarah.
- iii. Memahami pengertian, hikmat pengajaran ayat di atas dan menghayatinya.

Untuk mengukuhkan penghayatan para pelajar dengan ayat-ayat Al-Quran, mereka dikehendaki menghafaz ayat-ayat/surah-surah tertentu dari ayat-ayat yang dipelajari. Hasrat kurikulum ini bertujuan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mahir membaca Al-Quran, sentiasa membaca Al-Quran, seperti yang diungkapkan pada objektif Pendidikan Islam dalam aspek bacaan Al-Quran seperti berikut:

- i. Melahirkan pelajar yang sentiasa membaca dan menghafaz Al-Quran dengan baik dan fasih.
- ii. Melahirkan pelajar yang sentiasa membaca dan menghafaz Al-Quran di sekolah dan juga di luar sekolah.
- iii. Melahirkan pelajar yang terdidik dengan didikan Al-Quran.
- iv. Melahirkan pelajar yang sentiasa menghayati Al-Quran dalam kehidupan individu dan berjemaah (Wan Bakar, 1991).

Objektif-objektif di atas, jelaslah menunjukkan bahawa pelajar-pelajar dikehendaki membaca Al-Quran dengan baik, fasih dan mengikut hukum-hukum tajwid, seperti yang dinyatakan dalam hasrat pendidikan Islam:

'Melahirkan pelajar yang boleh membaca Al-Quran, sentiasa membaca Al-Quran, memahami kandungan Al-Quran, mengamal dan menghayati ajaran Al-Quran serta menghafaz ayat-ayat Al-Quran'.

E. TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk meninjau sejauhmana kemahiran pelajar-pelajar tingkatan satu dalam membaca Al-Quran berdasarkan Kurikulum Pendidikan Islam KBSM. Kajian ini juga bertujuan untuk meninjau faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar-pelajar dalam kemahiran membaca Al-Quran.

F. SOALAN KAJIAN

Berdasarkan kepada tujuan kajian tersebut, empat soalan kajian dibentuk iaitu:

- i. Sejauhmanakah penguasaan kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar tingkatan satu dalam sebutan huruf, tajwid bertulis dan tajwid bacaan?.

- ii. Adakah terdapat perbezaan antara faktor pendidikan ibu bapa dan pendapatan keluarga pelajar-pelajar dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar tingkatan satu?.
- iii. Adakah terdapat sampingan di antara faktor latar belakang pendidikan asas Al-Quran terhadap penguasaan kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar tingkatan satu?.
- iv. Adakah terdapat hubungan antara kebolehan dalam bacaan jawi dengan penguasaan kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar tingkatan satu?.

G. KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini merupakan satu usaha untuk mendapatkan maklumat tentang sejauhmana kemahiran membaca Al-Quran dikuasai oleh pelajar-pelajar tingkatan satu. Kajian ini juga ingin mengenal pasti faktor-faktor perkaitan yang membantu pelajar-pelajar dalam membaca Al-Quran, dan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar semasa membaca Al-Quran.

Kajian ini diharapkan dapat membantu guru-guru Pendidikan Islam untuk melihat secara menyeluruh masalah penguasaan kemahiran membaca Al-Quran tingkatan satu serta menilai semula kurikulum yang ada untuk disesuaikan dengan kemampuan pelajar-pelajar berdasarkan pandangan guru-guru, ibu bapa dan pihak-pihak lain yang berkaitan.

Kajian ini juga diharapkan dapat membantu Pusat Perkembangan Kurikulum menentukan aspek-aspek penting yang perlu diberi penekanan, berdasarkan masalah-masalah pembelajaran Al-Quran yang dihadapi oleh pelajar dalam menyebut huruf, membaca Al-Quran dengan lancar, dan mengetahui serta mengamalkan tajwid semasa membaca Al-Quran.

Kajian ini diharapkan dapat membantu pihak yang melatih guru-guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah agar pengajaran dan pembelajaran Al-Quran diberi penekanan kepada aspek-aspek yang boleh meningkatkan kemahiran membaca Al-Quran di kalangan pelajar-pelajar.

Hasil daripada kajian ini juga dapatlah dikenal pasti kelemahan-kelemahan yang wujud, dan dapatlah dicari jalan mengatasinya agar semua umat Islam, termasuk ibu bapa, guru-guru serta individu sedar tentang kepentingan membaca Al-Quran dengan betul dan mengamalkannya di dalam kehidupan.

H. BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada pelajar-pelajar tingkatan satu yang menjadi sampel kajian sahaja. Pengkaji memilih tingkatan satu sebagai sampel kajian kerana pelajar-pelajarnya tidak terlibat dengan peperiksaan. Di samping itu kemahiran membaca Al-Quran tingkatan satu adalah lanjutan daripada kemahiran membaca Al-Quran sekolah rendah. Jadi untuk menilai

keberkesanannya Kurikulum Baru Sekolah Rendah, tingkatan satu adalah sesuai untuk dibuat kajian, di samping melihat pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.

Kajian ini adalah satu kajian kes yang hanya melibatkan sebuah sekolah menengah kategori A dalam Daerah Gombak. Sekolah Menengah Selayang Baru ini dipilih berdasarkan sekolah ini terletak di pinggir bandar Kuala Lumpur, yang mana pelajar-pelajarnya terdiri daripada pelbagai golongan, pelajar-pelajar daripada golongan yang berasal, golongan sederhana dan terdapat juga pelajar-pelajar daripada keluarga yang sangat miskin yang tinggal di kawasan setinggan.

Penulis berpendapat sekolah ini adalah sesuai untuk dibuat kajian, kerana pelajar-pelajarnya adalah dari latar belakang yang berbeza. Ini dianggap faktor penting yang dapat mempengaruhi pencapaian mereka dalam pembacaan Al-Quran.

I. Definisi Istilah

Beberapa istilah yang terdapat dalam kajian ini adalah terhad kepada pengertian seperti yang dijelaskan di bawah:-

Kemahiran membaca Al-Quran ialah kemahiran membaca Al-Quran Tingkatan Satu yang terbatas kepada aspek-aspek berikut:-

i. Sebutan huruf (makhraj):

Sebutan ialah tempat keluar bagi sesuatu huruf. Ishak, (1988:42)

menyatakan terdapat lima tempat keluar huruf-huruf hijaiyyah:-

- a) Rongga mulut
- b) Kerongkong
- c) Bibir mulut
- d) Rongga hidung
- e) Lidah

Daripada lima tempat di ataslah, keluarnya huruf-huruf hijaiyyah yang 28 huruf.

ii. Tajwid:

Tajwid iaitu mengikut takrif "Manna' Al-Qattan dalam kitab *Mabāhith Fi Ulum Al-Quran*", (1973:188) ialah memberikan huruf hak-haknya, iaitu mengelokkan bacaan dan tidak mencacatkan bacaan serta menyebut sebutan huruf dengan jelas dan tidak merosakkan makna (Ishak, 1988:33). Tajwid yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah terbatas kepada hukum-hukum tajwid yang didapati dalam ayat-ayat Al-Quran dari Sukatan Pelajaran Tingkatan Satu yang dipilih. Tujuan diwajibkan membaca Al-Quran secara bertajwid ialah untuk memelihara pembacaan Al-Quran daripada berlaku kesilapan. Ini berpandukan Firman Allah:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَوْلَا نُزِّلَ عَلَيْهِ الْقُرْآنُ جُمِلَةً
 وَحِدَةً كَذَلِكَ لِتُثْبِتَ بِهِ فَوَادَكَ وَرَأَنَاهُ تَرْتِيلًا
 (٢٢)

(Al-Quran, Al-Furqan ayat:32)

Maksudnya :

Dan oyang-orang yang kafir berkata: Mengapa tidak diturunkan A-Quran itu kepada Muhammad semuanya sekali (dengan sekaligus)? Diturunkan Al-Quran dengan cara yang demikian kerana hendak menetapkan hatimu (wahai Muhammad) dengannya, dan kami nyatakan bacaannya kepadamu dengan teratur satu persatu (yakni dengan bacaan yang sempurna dan lengkap menurut hikum-hukum tajwid).

(Tafsir Pimpinan Ar-Rahman 1983:762)

Rasulullah pernah memberi amaran kepada pembaca-pembaca Al-Quran yang tidak mengikut peraturan membaca yang betul, bahawa laknat Allah (jauh daripada rahmat Allah) akan menimpanya. Sabda Rasul S.A.W.:

رَبُّ قَارِئِ الْقُرْآنِ وَالْقُرْآنُ يَلْعَنُهُ

(Riwayat Tarmidhi dalam bab thawab Al-Quran)

Maksudnya:

Hati-hatilah (waspada) kerana ramai orang yang membaca Al-Quran sedangkan Al-Quran yang dibacanya itu sendiri mengutuknya.

(Riwayat Tarmidhi)

iii. Kelancaran (fasih):

Lancar yang dimaksudkan ialah membaca Al-Quran dengan fasih dengan licin, iaitu membaca Al-Quran dengan mengambil kira sebutan huruf, tajwid yang betul, cermat serta lancar. Ayat-ayat dibaca dengan sederhana (tidak lambat dan tidak terlalu cepat). Menyebut dengan betul baris-baris dan tasydid dan bacaan Al-Quran dengan lajhah Arab(Ishak, 1988:167).

Pelajar-pelajar tingkatan satu yang dimaksudkan ialah pelajar-pelajar tingkatan satu daripada Sekolah Menengah Selayang Baru yang menjadi sampel kajian. Kajian ini tidak melibatkan Sekolah Menengah Agama dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) atau sekolah menengah lain yang tidak berkaitan dengan kajian ini.